

STPM 2017

946/1

Percubaan Penggal 1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGGAL 1

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)

PENGAJIAN PERNIAGAAN

SKEMA PEMARKAHAN

Kertas soalan ini terdiri daripada 4 halaman bercetak

[Lihat sebelah]

Bahagian A [50 markah]

Arahan : Jawab **semua** soalan

1a) Bahan mentah merangkumi semua sumber semula jadi. Nyatakan **empat** masalah sumber semula jadi yang timbul dalam konteks perniagaan. [4m]

JAWAPAN

1. Kepupusan alam semula jadi menyebabkan sumber bahan mentah berkurang.
2. Harga bahan mentah yang tidak menentu/stabil menyebabkan kos pengeluaran meningkat.
3. Pencemaran alam semula jadi menyebabkan kuanliti bahan mentah terjejas.
4. Sumber yang tidak boleh diperbaharui kerana menyambal masa untuk dipulihkan perniagaan terpaksa mencari bahan ganti untuk mengeluarkan barangan.

[Setiap masalah dengan ayat yang jelas 1m x 4 = 4m]

b) Terangkan **tiga** peranan Badan Berkanun.

[6m]

1. Mewakili pihak kerajaan [1m]

Badan berkanun menjalankan aktiviti kawal dan selia terhadap sektor swasta bagi memastikan perniagaan mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. [1m]

2. Menjaga kewibawaan sektor swasta. [1m]

Sebagai organisasi yang bertanggungjawab untuk memenuhi keperluan masyarakat tempatan dan membangunkan ekonomi negara.[1m]

3. Menyediakan sumber manusia.[1m]

Membangunkan modal insan dengan menyediakan latihan dan pembangunan dalam usaha melahirkan tenaga kerja yang terlatih.[1m]

[fakta 1m + huraian 1m = 2 x 3 = 6m]

Jawapan

1. Pengeluaran mengikut tempahan/projek [1m]

- Melibatkan penghasilan produk yang unik dalam kuantiti yang kecil apabila menerima tempahan daripada pelanggan.[1m]
- Melibatkan penggunaan tenaga pakar yang memiliki kemahiran dalam bidang berkaitan.
- Darjat piawaian yang rendah/ produk dihasilkan dalam kuantiti yang kecil.
- Pengeluaran dan penghasilan produk mengikut spesifikasi dan ciri yang dipersetujui oleh pelanggan.
- Penggunaan teknologi yang canggih dan terkini.
- Contoh pengeluaran tempahan : pembinaan rumah, tempahan makanan catering.

2. Pengeluaran secara massa[1m]

- Dikenali sebagai pengeluaran secara berterusan mengeluarkan produk dalam kuantiti yang banyak.[1m]
- Aktiviti pengeluaran berterusan dan berulang-ulang melibatkan barangan keperluan harian
- Memerlukan simpanan stok yang banyak dan pengantran segera produk kepada pelanggan.
- Piawai produk yang tinggi dihasilkan kerana produk yang seragam.
- pengeluaran dalam satu barisan yang panjang.
- Pengeluaran secara berterusan dan kadang kala melibatkan operasi 24 jam.
- Proses pengeluaran melibatkan penggunaan mesin dan jentera yang dikawal oleh computer.
- Contoh pengeluaran secara massa: pengeluaran minyak masak, gula dan sabun

3. Pengeluaran secara kelompok [1m]

- Proses pengeluaran melibatkan proses pengeluaran beberapa jenis barang yang mempunyai fungsi yang sama dalam saiz yang sederhana.[1m]
- penghasilan satu kelompok barang akan diikuti oleh penghasilan satu kelompok barang yang lain.
- Contoh pengeluaran secara kelompok : percetakan buku dan majalah, pemasangan barangan elektronik, penghasilan kek di kedai kek.

[fakta 1m , huraian 1m = 3 fakta x 3m = 3m, 3 huraian x 3m = 3m jumlah markah 6m]

d) Hitung kuantiti pesanan ekonomi [EOQ] berdasarkan maklumat di bawah:

i	Permintaan ramalan	20 000 unit computer setahun
Ii	Kos setiap pesanan	RM 150
Iii	Nilai belian seunit computer	RM 2 500
Iv	Kos penyimpanan	20% daripada nilai belian

[4m]

Jawapan

Kuantiti pesanan ekonomi [EOQ]

Permintaan ramalan [D] – 20 000 Unit computer setahun

Kos setiap pesanan [S] – RM150.00

Nilai belian seunit computer – RM2 500.00

Kos penyimpanan[h] – 20% daripada nilai belian

Formula EOQ

$$= \sqrt{2DS/h} \text{ [1m]}$$

$$= \sqrt{[2 \times 20\,000 \times \text{RM}150 / 0.2 \times \text{RM}2\,500] \text{ [1m]}}$$

$$= 109.54 \text{ unit komputer [1m]}$$

$$= 110 \text{ unit komputer [1m]}$$

[Jawapan mesti ada unit computer baru dapat 1m, jika tiada 0m]

e) Terangkan **lima** proses terawal dalam pembelian produk industri.

[5m]

Jawapan

1. Mengenal pasti masalah

- Pengurusan organisasi akan mengenal pasti produk industry yang hendak dibeli untuk menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan organisasi.

2. Mengenal pasti keperluan organisasi.

- Pengurusan harus memastikan jenis bahan mentah dan barang modal yang diperlukan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.

3. Menentukan spesifikasi produk.

- Pengurusan akan menentukan ciri / kriteria produk industry yang diperlukan dengan membuat spesifikasi produk seperti harga, kuantiti, kualiti, ciri dan jenama.

4. Mencari pembekal

- Pengurusan akan mencari maklumat tentang produk industry yang dapat memenuhi spesifikasi yang dikehendaki dan kemudian mencari pembekal yang terbaik.

5. Membuka tender.

- Selepas mengenal pasti senarai pembekal yang berkeelayakan, pengurusan organisasi akan mengadakan rundingan pembelian dengan pembekal yang dapat memenuhi spesifikasi produk yang diperlukan.

[Fakta + huraian =1m, jika calon hanya memberi fakta =0m]

f) Berikan maksud *publisiti* serta terangkan **dua** kebaikannya.

[5m]

Jawapan

Maksud publisiti

Satu komunikasi yang disampaikan kepada pengguna melalui sebaran media komunikasi tentang produk dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesebuah perniagaan dan tidak perlu dibayar.

[1m]

Kebaikan publisiti

1. Mampu meningkatkan permintaan sesuatu produk. [1m]

Pengeluaran dan permintaan meningkat ekoran pembentukan imej perniagaan yang baik.[1m]

2. Tidak perlu bayaran bagi hebahan berita.[1m]

Melibatkan penghebahan mengenai sesuatu produk baru dalam pasaran melalui siaran berita di televisyen dan radio.[1m]

[maksud 1m + 2 kebaikan x 2m + 2 huraian kebaikan x 2m = 5m]

g) Objektif kewangan iaitu meningkatkan kekayaan pemegang saham. Jelaskan . [6m]

Jawapan

- Merujuk kepada peningkatan nilai sesebuah syarikat dengan meningkatkan keuntungan sesaham /perolehan sesyer.[1m]
- Nilai syarikat ditunjukkan oleh harga saham yang disenaraikan di Bursa saham Malaysia. Harga saham yang tinggi membawa pulangan yang tinggi kepada pemegang saham dalam bentuk dividen / keuntungan apabila saham tersebut dijual.[1m]
- Matlamat ini bersifat menyeluruh kerana mengambil kira semua aspek yang berkaitan dengan perniagaan seperti jualan, tanggungjawab social, keberuntungan, produktiviti dan tidak tertumpu kepada keuntungan semata-mata.[1m]
- Matlamat bersifat jangka panjang[1m]
- Mengambil kira nilai mata wang.[1m]
- Factor risiko diambil kira secara mendalam semasa membuat keputusan pelaburan. [1m]
- Hayat perniagaan lebih panjang kerana syarikat mempunyai matlamat yang lebih menyeluruh.[1m]

[maksimum 6m]

h) Huraikan sumber [pembiayaan] dan pengurusan dana berikut.

i) Bon

ii) Overdraf

[4m]

jawapan

i) Bon

- merupakan sekuriti hutang jangka panjang yang dikeluarkan oleh sebuah perniagaan[penerbit bon] untuk dijual kepada orang ramai dan institusi untuk mengumpulkan modal[1m]
- bon menjanjikan pemegangnya untuk mendapat bayaran semula jumlah pokok apabila sampai tempoh matang [1m] dan
- bayaran faedah tetap secara berkala berdasarkan kadar bon.[1m]

ii) Overdraf

- Kemudahan kredit yang disediakan oleh bank kepada pemegang akaun semasa yang membenarkannya mengeluarkan wang yang melebihi baki yang terdapat dalam akaun semasa tersebut setakat had yang ditetapkan. [1m]
- Faedah yang dikenakan terhadap pemegang akaun tersebut berdasarkan jumlah wang yang dikeluarkan sahaja.[1m]
- Kadar faedah yang dikenakan biasanya lebih tinggi daripada pinjaman biasa.[1m]

[2 huraian bagi setiap sumber pembiayaan = 2 huraian x 2=4m]

i) Senaraikan **empat** faedah yang akan diperolehi pekerja apabila menghadiri latihan yang dianjurkan oleh majikan. [4m]

jawapan

1. meningkatkan produktiviti pekerja [1m]
2. meningkatkan kemahiran pekerja [1m]
3. mengurangkan kesilapan pekerja. [1m]
4. meningkatkan kepuasan pekerja. [1m]
5. meningkatkan motivasi pekerja. [1m]
6. mendedahkan pekerja kepada pengetahuan dan perkembangan teknologi semasa. [1m]

[mana-mana empat jawapan pertama 1m x 4=4m]

1. Kemudahan kesihatan

Merujuk kepada faedah perubatan dan penjagaan kesihatan. Majikan akan membiayai kos perubatan melalui klinik panel / hospital yang dilantik.

2. Percutian

Majikan memberi penghargaan kepada pencapaian cemerlang pekerja dengan menganjurkan percutian sama ada di dalam / luar negara. Semua kos yang terlibat seperti penginapan, pengangkutan dan makanan ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan.

3. Tempat penjagaan kanak-kanak

Memudahkan pekerja yang berkeluarga untuk bekerja dengan lebih tenang tanpa sebarang ketegangan dalam pengurusan penjagaan anak.

4. Keahlian badan profesional dan kelab - Membiaya yuran pendaftaran dan yuran tahunan seperti keahlian kelab golf

5. Kemudahan kebajikan dan keselamatan pekerja. - Persekitaran tempat kerja yang selamat.

6. Kemudahan tempat tinggal - Asrama, kuarters/rumah tempat menginap

7. Kemudahan pengangkutan - Syarikat sediakan kereta dan pemandu ikut jawatan, bas pekerja

8. Kemudahan cuti – cuti tahunan, cuti bersalin, cuti sakit dan cuti rehat

9. Insurans pekerja – perlindungan pekerja daripada sebarang risiko semasa kerja

10. pemberian anugerah prestasi dan sijil penghargaan.- pengiktirafan kepada pekerja cemerlang.

[mana-mana 3 jawapan pertama, fakta 1m, huraian 1m = 3 x 3 = 6m]

Bahagian B [50 markah]

Proton Perdana generasi ke-4 dilancarkan

2 (a) Proton Holdings Berhad mensasarkan jualan 3,000 unit model baharu Perdana generasi keempat menjelang akhir tahun ini. Ini termasuk sasaran bulanan sebanyak 500 buah. Proton Perdana merupakan model kereta bersaiz sederhana.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Ahmad Fuaad Kenali, ini didorong harga model baru yang kompetitif. Ahmad Fuaad berkata disamping kesuraman sektor automotif, Proton kekal optimis mencapai sasaran jualan tersebut. "Harga yang kami umumkan iaitu 2.0 pada RM113,888 dan 2.4 pada RM138,888, harganya sangat kompetitif."kata Ahmad Fuad. Beliau juga meminta semua wakil pengedar dan Proton Edar menambah bilangan juruteknik. Ini akan memendekkan tempoh menunggu untuk servis berasaskan waranti.

Sejak tempahan dimulakan pada Februari, Proton menerima kira-kira 900 tempahan dari seluruh negara. Katanya Proton Perdana generasi ke-4 berintegrasikan reka bentuk dinamik dan anggun ini memberi nafas baru kepada Proton. . Permintaan yang tinggi terhadap kereta tersebut mendorong Proton menghasilkan model baru dengan tahap keselesaan yang tinggi. Tambah beliau Perdana baru ini juga melambangkan hasrat Proton untuk memberikan terbaik kepada pelanggan.

Perdana baru ini dipertingkatkan dari segi pengendalian kereta dan keselesaan. Selain itu, Proton juga membuat penambahbaikan dari segi estetik dan aerodinamik untuk memenuhi keperluan semasa. Proton Perdana baharu menampilkan kereta sedan eksekutif bergaya. Ia mempunyai enam pilihan warna, enjin 4 silinder 16 injap DOHC. Ruang pemandu Proton Perdana yang luas dan selesa serta but belakang yang boleh memuatkan ruang pengisian barang yang banyak. Antara elemen yang ditawarkan termasuklah pedal penukar gear, kawalan kelajuan, sistem hiburan dengan navigasi GPS dan fungsi kamera undur, penghawa dingin dua-zon, cermin berkuasa anti-perangkap untuk bahagian hadapan, stereng boleh laras kecondongan dan teleskopik serta tempat duduk pemandu boleh laras secara elektronik. Bagi aspek keselamatannya pula, Perdana 2016 akan dilengkapi dengan beg udara, kawasan kestabilan elektronik termasuk ABS dan EBD.

[Sumber disesuaikan daripada www.astroawani.com/berita-bisnes/proton-perdana-generasi-ke-4-dilancar pada 14 Jun 2016 yang dicapai pada 20 Ogos 2016]

Berdasarkan kes

(i) Tentukan objektif dan strategi pemasaran yang dilaksanakan oleh Proton Holdings Berhad.

[6m]

Jawapan

Objektif pemasaran Proton Holdings Berhad	Pembangunan produk [1m] <ul style="list-style-type: none">- Pembangunan produk ialah pengenalan produk baharu kepada pelanggan sedia ada.[1m]- Kaitan kes Proton Holdings Berhad mensasarkan jualan 3000 unit model baharu Proton Perdana generasi ke 4 kepada pasaran di Malaysia.[1m]
Strategi pemasaran Proton Holging Berhad	1. Mengubah suai produk sedia ada menjadi produk baharu.[1m] Kaitan kes Proton generasi ke 4 mengintegrasikan reka bentuk dinamik dan anggun yang memberi nafas baru kepada proton atas permintaan yang tinggi mendorong proton menghasilkan model baru dengan tahap kelesaan yang tinggi maka terhasillah model terbaharu proton perdana.[1m] 2. Menerokai idea kreatif bagi menghasilkan produk unik.[1m] Kaitan kes Proton perdana generasi ke 4 dipertingkatkan dari segi pengendalian kereta dan keselesaan. Proton juga membuat penambahbaikan dari segi aesthetic dan aerodinamik untuk memenuhi keperluan semasa dimana proton perdana baharu menampilkan kereta sedan eksekutif.[1m]

[Max 6m]

Jawapan

Tahap produk	Huraian	Kaitan kes
1. Produk Teras [1m]	<ul style="list-style-type: none"> - Meliputi semua faedah yang ingin didapati daripada pembelian sesuatu produk. - Pengguna akan mengambil kira faedah utama sebelum membuat keputusan keputusan untuk membeli sesuatu produk. - contohnya tujuan seorang pengguna membeli computer adalah untuk membolehkannya membuat tugas dan mengakses internet.[1M] 	<p>Tujuan utama pengguna membeli Proton Perdana generasi ke 4 adalah untuk perkara yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengangkutan dari satu tempat ke satu tempat [1M] - Kereta sedan eksekutif bergaya.[1M] - Ruang pemandu Proton perdana yang luas dan selesa serta but belakang yang boleh memuatkan ruang pengisian barang yang banyak. [1M] <p>[MAX 2m]</p>
2. Produk Ketara/ Sebenar [1M]	<ul style="list-style-type: none"> - Merupakan ciri-ciri atau system yang terdapat pada produk untuk menyokong faedah utama seperti reka bentuk, tahap kualiti, jenama, pembungkusan serta ciri-ciri lain. - contohnya semua ciri yang terdapat pada computer terdapat pada computer termasuk kualiti dan jenamanya.[1M] 	<ul style="list-style-type: none"> - Nama jenama dan model Proton Holdings Berhad merupakan jenama tempatan yang diyakini oleh rakyat Malaysia.[1m] - Reka bentuk proton perdana yang dinamik dan anggun [1m] - Mempunyai enam pilihan warna [1m] - Enjin 4 silinder 16 injap DOHC.[1m] -Pedal penukar gear, kawalan kelajuan, system hiburan dengan navigasi GPS dan fungsi kamera undur, penghawa dingin dua zon. <p>[Max 2M]</p>

<p>3. Produk sampingan/ Tambahan[1M]</p>	<p>-Merujuk kepada faedah tambahan yang diperoleh oleh pengguna selepas pembelian dan penggunaan sesuatu produk.</p> <p>-contohnya perkhidmatan selepas jualan, khidmat pemasangan, khidmat penghantaran, kemudahan kredit dan waranti/jaminan.[1M]</p>	<p>- Proton Holdings Berhad memastikan semua wakil pengedar dan Proton Edar menambah bilangan juruteknik bagi memendekkan tempoh menunggu untuk servis.[1m]</p> <p>- kemudahan waranti kepada pelanggan Proton.[1m]</p> <p>- dari aspek keselamatan Proton Perdana generasi ke 4 2016 dilengkapi dengan beg udara, kawasan kestabilan elektronik termasuk ABS dan EBS.[1m]</p> <p>[Max 2M]</p>
--	---	--

[FAKTA 1M, HURAIAN FAKTA 1M, KAITAN KES MAX 2M]

(ii) Bagaimanakah kaedah campuran promosi pengiklanan dapat membantu Proton Holdings Berhad meningkatkan jualan Proton Perdana generasi ke 4 ini. Jelaskan. [12m]

Jawapan

Maksud pengiklanan	<ul style="list-style-type: none"> - Pengiklanan merupakan kaedah memperkenalkan produk melalui saluran bukan peribadi/ media massa.[1m] - Pengiklanan merupakan satu proses secara tidak langsung yang dikenakan bayaran kepada pihak pemasar.[1m]
Tujuan pengiklanan	<ul style="list-style-type: none"> - Tujuannya adalah untuk memperkenalkan produk, merangsang pembelian dan mengekalkan ingatan pembeli terhadap produk.[1m] - Media massa yang boleh digunakan ialah media cetak seperti surat khabar dan majalah serta media elektronik seperti televisyen dan radio.[1m] - Pengiklanan mampu menyampaikan maklumat produk dengan cepat dan mempunyai sasaran pengguna yang ramai.[1m] - Penyebaran maklumat berkaitan produk melangkaui sempadan sesebuah negara. [1m]
Ciri-ciri pengiklanan	<p>1. Melibatkan persembahan awam bagi memastikan semua individu mendapat mesej yang sama dan maklumat yang disebarkan dapat mengesahkan kedudukan sesuatu produk dalam pasaran [1m]</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kaitan kes Proton Holdings Berhad menggunakan media massa seperti surat khabar dan majalah untuk mengiklanlan model Proton Perdana generasi ke 4 dan media elektronik seperti TV dan radio tujuannya untuk memberitahu kepada masyarakat tentang kewujudan produk terbaru Proton.[1m]

	<p>2. penyebaran pengulangan mendedahkan pengguna kepada mesej yang sama beberapa kali berbanding kaedah lain.[1m]</p> <p>- kaitan kes pengiklanan Proton Perdana generasi ke 4 yang disiarkan di TV dan di muka surat khabar untuk beberapa keluaran akan menjadikan pengguna mengingati tentang kewujudan produk tersebut.[1m]</p> <p>3. Pengenalan produk dengan bantuan suara, gambar, ilustrasi dan warna.[1m]</p> <p>Proton Holding Berhad yang disiarkan di TV menggunakan model, suara, ilustrasi dapat menjelaskan bentuk fizikal kereta Proton Perdana generasi ke 4.[1m]</p>
--	---

3. *Jawab satu soalan sahaja, sama ada soalan 3(a) atau soalan 3(b)*

3. a) *Jelaskan bagaimana faktor pengeluaran digunakan dalam pengeluaran biskut.*

[20m]

1. Bahan mentah

- merujuk kepada input-input yang digunakan dalam proses pengeluaran bagi menghasilkan sesuatu produk.
- bahan utama yang digunakan dalam pembuatan sesuatu produk.
- contoh : Bahan mentah yang digunakan untuk membuat biskut ialah tepung, margerin dan telur.

2. Modal insan

- tenaga kerja atau sumber manusia yang terlibat dalam menjalankan operasi perniagaan atau diperlukan untuk membantu menukarkan bahan-bahan mentah kepada barang dan perkhidmatan.
- individu yang menyumbangkan tenaga dalam bentuk fizikal, mental dan kemahiran dalam proses pengeluaran iaitu usahawan atau pekerja.
- kemahiran tenaga pekerja meliputi pekerja tidak mahir, pekerja tidak mahir, pekerja separa mahir dan pekerja mahir.
- contoh : Pekerja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menghasilkan pengeluaran biskut.

3. Modal

- sebarang bentuk pelaburan yang akan menghasilkan pulangan kepada syarikat.
- terdiri dari bentuk wang atau aset.
- contoh : kilang biskut, mesin dan peralatan menghasilkan biskut.

4. Usahawan

- kemahiran dan keupayaan seseorang individu atau sekumpulan individu dalam menguruskan atau atau membangunkan sesuatu perniagaan yang mempunyai ciri-ciri seperti kreativiti, inovatif, berpandangan jauh dan berani berhadapan dengan risiko.
- menggabungkan pelbagai faktor pengeluaran secara efektif untuk mengeluarkan pelbagai jenis barang dan perkhidmatan yang dapat memenuhi citarasa pengguna dalam pasaran.
- contoh : pengusaha kilang biskut yang menggabungkan pelbagai faktor pengeluaran seperti modal, modal insan dan teknologi untuk menghasilkan biskut.

5. Teknologi

- peralatan yang diperlukan untuk melaksanakan aktiviti perniagaan.
- membantu melancarkan sesuatu proses pengeluaran, meningkatkan kecekapan, meningkatkan daya saing dan meningkatkan operasi perniagaan.
- contoh : ketuhar industri digunakan bagi memastikan bilangan biskut yang banyak dapat dibakar dalam masa yang singkat.

(Markah : 5F x 4H = 20m)

b) Terangkan bentuk pembiayaan jangka panjang bagi sebuah perniagaan. [20m]

1. Bon

- Merupakan sekuriti hutang jangka panjang yang dikeluarkan oleh sesebuah perniagaan untuk dijual kepada orang ramai dan institusi untuk mengumpulkan modal.
- Merupakan kontrak yang formal untuk penerbit bon membayar balik wang yang dipinjamkan pada tarikh matang dan faedah secara bertempoh pada suatu masa tetap. Contohnya setiap enam bulan atau secara tahunan.
- Bon adalah seperti pinjaman iaitu pemegang bon adalah pemberi pinjaman (pemiutang) dan penerbit bon adalah peminjam (penghutang).
- Bon menyediakan peminjam dengan dana luar untuk membiayai pelaburan jangka panjang.

2. Ekuiti

- Merujuk kepada sumbangan dana daripada pemilik perniagaan sama ada dalam bentuk saham biasa atau perolehan tertahan.
- Saham biasa menunjukkan pemilikan bagi sesebuah syarikat.
- Perolehan tertahan ialah keuntungan bersih syarikat yang tidak diagihkan kepada pemegang saham dalam bentuk dividen tetapi disimpan dalam syarikat untuk digunakan semula bagi mengembangkan perniagaan.

3. Saham keutamaan

- Saham yang diterbitkan dan dijual kepada pelabur yang terpilih dan menerima dividen yang tetap samada syarikat memperoleh keuntungan atau tidak.
- Merupakan satu instrument kewangan yang menggabungkan ciri-ciri seperti sekuriti hutang dan saham biasa.
- Pemegang saham keutamaan akan menerima pulangan dalam amaun yang tetap pada setiap tempoh yang ditetapkan.

4. Hutang Jangka Panjang

- Pembiayaan pinjaman daripada pihak bank dan dibayar balik bersama faedah dalam tempoh melebihi lima tahun.
- Jumlah pinjaman bergantung jumlah modal keseluruhan perniagaan.
- Amaun pinjaman adalah besar dan memerlukan cagaran kerana risiko yang besar.

5. Pinjaman berjangka

- Pinjaman yang diberikan dalam tempoh lima hingga 10 tahun.

- Pembiayaan bertujuan membeli peralatan yang mempunyai jangka hayat yang panjang dan bernilai ekonomi.

(Markah : 5F x 4H)

Soalan tamat